

# Jaring keselamatan kini jadi perangkap sampah

**KUALA LUMPUR** - Kejadian malang yang meragut nyawa S. Sathiswaran, 15, selepas maut ditimpa kerusi terbang di kawasan kediaman Program Perumahan Rakyat (PPR) Seri Pantai di sini masih belum dijadikan iktibar penduduk.

Apa tidaknya, usaha Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) memasang jaring keselamatan untuk mengelakkan kejadian tersebut berulang dipandang sepi segelintir penduduk apabila jaring itu kini menjadi perangkap sampah yang dibuang dari tingkat atas.

Tinjauan mendapati pelbagai jenis sampah seperti bungkus makanan, minuman, kotak rokok dan botol air terdapat di

Remaja 15 tahun maut terkena kerusi dibaling dari tingkat atas

**KUALA LUMPUR** - Seorang remaja lelaki maut terkena kerusi terbang yang ditimpakan dari tingkat atas kediaman di PPR Seri Pantai di sini.

**KERATAN Kosmo!** 16 Januari 2018.

atas jaring tersebut.

Seorang suri rumah, **Suzana Mohamad, 42**, melahirkan rasa kesal dengan sikap segelintir penduduk PPR itu yang masih tiada kesedaran dalam menjaga kebersihan sehingga mengganggu keselamatan serta keharmonian penduduk lain.

Dakwanya, beberapa tahun lepas ketika sedang berjalan di bawah bangunan, anak lakinya ditimpa sebatang kayu besar pada kepala sehingga menyebabkan anaknya menerima tujuh jahitan.

"Bukan itu sahaja, kepala



**TERDAPAT** sampah terperangkap pada jaring keselamatan yang tidak sampai seminggu dipasang DBKL dalam tinjauan di PPR Sri Pantai, Kuala Lumpur baru-baru ini.

kakak saya juga pernah cedera terkena kaca yang jatuh dari atas," ceritanya yang telah menetap di PPR itu sejak 16 tahun lalu.

*Kosmo!* pada 16 Januari lalu melaporkan Sathiswaran maut di tempat kejadian pada pukul 8.10 malam di Blok 102 di PPR Seri Pantai akibat kecederaan

parah selepas dihempap kerusi yang dipercayai dibuang dari tingkat 21.

Seorang lagi penduduk, **Kamarudin Baba, 55**, berkata, walaupun sudah 16 tahun menetap di PPR itu, beliau sering merasa takut untuk berjalan di kawasan terbuka.

"Saya kerap melihat sampah besar dibuang dari atas malah tingkap kaca juga sering jatuh. Mujur saya tidak pernah mengalami kemalangan ditimpa barang," katanya.

Pengarah Jabatan Pembangunan Komuniti dan Kesejahteraan Bandar DBKL, Wan Mohammad Ghazali Nor pula berkata, buat masa ini pihaknya hanya memasang jaring di PPR Seri Pantai, bagi melihat keberkesanannya sebelum dilaksanakan di PPR dan perumahan awam lain. - Bernama